

Kempen Buku Hijau mampu jimat RM720 juta

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 24 Mac – Rakyat negara ini boleh menjimatkan perbelanjaan membeli dan mengimport sayur-sayuran sebanyak RM720 juta setahun jika Kempen Buku Hijau mendapat penyertaan sehingga 500,000 peserta dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, bagi mencapai sasaran itu, kementerian akan memastikan program tersebut dilaksanakan dengan berkesan sehingga ke peringkat akar umbi.

“Saya harap program ini dapat masuk

Mungkin tidak semua berminat tetapi kita perlu mulakan dari peringkat bawahan

ke semua kawasan kampung, pinggir bandar dan bandar mengikut kesesuaian.

“Ini memandangkan di kawasan luar bandar sendiri masih terdapat banyak tanah tidak diusahakan secara maksimum selain terbiar begitu sahaja,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Ketua Biro Pertanian Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Pirdaus Ismail dan ahli jawatankuasanya di sini hari ini.

Menurut Muhyiddin, kempen Buku

Hijau di kawasan luar bandar boleh dihidupkan semula dengan melibatkan peserta individu dan kelompok mem-babitkan penduduk kampung.

“Mungkin tidak semua berminat tetapi kita perlu mulakan dari peringkat bawahan.

“Kita juga berharap kerajaan negeri boleh membantu dengan mengeluarkan lesen penggunaan sementara tanah kosong untuk tujuan kempen tersebut,” katanya.

UMM- 29/3/2006
MUHYIDDIN YASSIN
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

Sementara itu, Pirdaus berkata, pergerakan tersebut bersedia membantu kementerian berkenaan menjayakan kempen Buku Hijau dan agenda pertanian negara dengan memastikan setiap bahagian UMNO mempunyai usahawan tani.

“Kita bercadang untuk menggerakkan program kesedaran dan motivasi tani di setiap bahagian selain mengenal pasti generasi muda yang berminat dalam pertanian atau sudah melaksanakan kerja tani,” katanya.

Jelas beliau, setakat ini sebahagian besar bahagian UMNO mempunyai pengusaha tani atau peniaga dalam bidang pertanian, tetapi kebanyakannya bergerak secara individu.